

SOALAN NO: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH: 3 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa ramai pihak majikan Syarikat JCY HDD Technology Sdn Bhd di Kulai jaya Johor telah didakwa berkaitan penderaan pekerja asing di kilang tersebut yang telah mencetus rusuhan pada hujung bulan Ogos 2014. Jika tiada sesiapa dari pihak majikan yang didakwa, kenapa.

PR-1323-L64209

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) tidak mempunyai bidang kuasa untuk menjalankan siasatan ke atas penderaan fizikal pekerja kerana penderaan ini melibatkan perlakuan jenayah. Walau bagaimanapun KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah menjalankan siasatan di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265).

2. Hasil dari siasatan mendapati Syarikat JCY HDD Technology Sdn Bhd dan QB Technology Sdn Bhd (anak syarikat JCY HDD) telah melalui kesalahan dengan membuat potongan gaji yang tidak sah di bawah seksyen 24 Akta Kerja 1955. Pihak Jabatan telah membuka 2 kertas siasatan untuk tujuan pendakwaan ke atas kesalahan-kesalahan yang dikesan ini.